



Rujukan : UKM PDF/224/3

Tarikh : 13 Januari 2016

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL.1/2016

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PENINGKATAN GRED PROFESOR DARI GRED KHAS C (VK7) KE
GRED KHAS B (VK6) DAN PROFESOR GRED KHAS B (VK6) KE GRED KHAS A (VK5)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, MPU Bil. 12/2015 bertarikh 4 Disember 2015 dan 17 Disember 2015 telah bersetuju meluluskan **Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor Dari Gred Khas C (VK7) Ke Gred Khas B (VK6) Dan Profesor Gred Khas B (VK6) Ke Gred Khas A (VK5)**. Tarikh kuat kuasa pelaksanaan adalah pada 1 Januari 2016.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini, dilampirkan **garis panduan (Lampiran 1) dan senarai semak (Lampiran 2)** untuk dihebahkan kepada semua staf akademik di bawah seliaan YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan masing-masing. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Dr. Hjh Ina Md. Yasin di talian 03-8921 5011 / e-mel : eyna@ukm.edu.my atau Puan Nurazlina Sulaiman di talian 03-8921 5150 / e-mel : nuraz@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'

Yang benar,

ABD. RAZAK HUSSIN

Timbalan Pengarah Kanan

(Menanggung tugas Pengarah Eksekutif Pentadbiran)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 4888 Faksimili: +603-8926 7950 e-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



**GARIS PANDUAN PENINGKATAN GRED PROFESOR
DARI GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN
PROFESOR GRED KHAS B (VK6) KE GRED KHAS A (VK5)
(Kelulusan MPU Bil. 12/2015 pada 4 Disember 2015 dan 17 Disember 2015)**

1.0 SYARAT AM

- 1.1 Calon yang telah **memenuhi syarat kelayakan dan kriteria** dipelawa untuk memohon peningkatan gred dari Profesor Gred Khas C (VK7) ke Gred Khas B (VK6) dan Profesor Gred Khas B (VK6) ke Gred Khas A (VK5); dan
- 1.2 Permohonan ini **terbuka** sepanjang tahun.

2.0 SYARAT KELAYAKAN

- 2.1 Telah menyampaikan **Syarahan Perdana**;
- 2.2 Calon hendaklah terdiri dari **Profesor Tetap** di UKM; dan
- 2.3 Calon berikut boleh dipertimbangkan iaitu:
 - 2.3.1. Profesor Gred Khas C yang telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya **3 tahun** untuk peningkatan gred ke Profesor Gred Khas B.
 - 2.3.2. Profesor Gred Khas B yang telah berkhidmat dengan cemerlang sekurang-kurangnya **2 tahun** untuk peningkatan gred ke Profesor Gred Khas A.
 - 2.3.3. calon yang belum memenuhi tempoh 2.3.1 dan 2.3.2 di atas dalam Gred Khas C atau B, tetapi mempunyai prestasi luar biasa.

3.0 KRITERIA

Kriteria utama peningkatan gred/lantikan adalah Pendidikan, Penyelidikan, Sanjungan, Kecemerlangan Kepimpinan Akademik & Pengurusan dan Khidmat Masyarakat seperti berikut:

3.1 Pendidikan

Menunjukkan aktiviti berterusan dalam bidang pendidikan dari segi:

- 3.1.1 kualiti pengajaran yang cemerlang; dan
- 3.1.2 pengukuhan dalam penyeliaan (Sarjana dan Ph.D) dan pengajaran.

3.2 Penyelidikan

- 3.2.1 Memperoleh dana penyelidikan dalam dan luar negara;
- 3.2.2 Mempunyai jaringan (dalam dan luar negara) untuk mendapatkan dana penyelidikan yang berimpak tinggi;

Muka surat 1 / 5

- 3.2.3 Perubahan polisi/dasar negara, paten yang dikomersialkan untuk pendapatan Universiti dan negara;
- 3.2.4 Menghasilkan buku hasil penyelidikan yang memberi impak;
- 3.2.5 Penulisan dalam jurnal yang berimpak tinggi; dan
- 3.2.6 Menghasilkan impak terus kepada perubahan masyarakat. (contoh: memperoleh pendapatan lebih tinggi kepada masyarakat tempatan).

3.3 Sanjungan

- 3.3.1 Dijemput memberi *keynote address* (ucap utama), *invited papers/full paper* (kertas undangan/kertas penuh) dan *Discussant* (Pembicara) – (perlu disertakan surat/ e-mel jemputan berkenaan);
- 3.3.2 Dijemput menganggotai dalam Jawatankuasa antarabangsa dalam bidang masing-masing (perlu disertakan surat/dokumen/e-mel jemputan berkenaan);
- 3.3.3 Dijemput sebagai Pemeriksa Luar dan Penilai Program (perlu disertakan surat/dokumen jemputan berkaitan);
- 3.3.4 Anugerah dan pengiktirafan; dan
- 3.3.5 Dimohon untuk peminjaman ke organisasi luar sesuai dengan bidang kepakaran (perlu disertakan surat/e-mel/dokumen jemputan berkaitan).

3.4 Kecemerlangan Kepimpinan Akademik & Pengurusan

- 3.4.1 Jawatan Pentadbiran di Universiti;
- 3.4.1 Penglibatan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti/Pusat/Institut; dan
- 3.4.2 Kepimpinan akademik dan pengurusan.

3.5 Khidmat Masyarakat

Mempunyai jaringan peringkat kebangsaan dan antarabangsa:

- 3.5.1 perlu menjadi ahli persatuan saintifik atau profesional dalam bidang masing-masing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- 3.5.2 sebagai ahli Jawatankuasa, Pengerusi/Setiausaha untuk aktiviti/persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara dan antarabangsa; dan
- 3.5.3 menerajui kepimpinan persatuan bidang, badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang.

Perincian lima (5) kriteria tersebut di atas adalah seperti di **Lampiran A**.

4.0 PROSEDUR

- 4.1 Calon perlu menyediakan:
- 4.1.1 latar diri (c.v) yang mengandungi perkara 3 (3.1 - 3.5) dengan lampiran surat/dokumen yang berkaitan;
 - 4.1.2 esei 600 patah perkataan untuk tujuan pertimbangan Jawatankuasa Penilaian/Pemilih mengenai perkara berikut:
 - 4.1.2.1 kecemerlangan calon dalam bidang kepakaran dengan ukuran pencapaian berdasarkan 3R (*Relevant, Respected, Referred*);
 - 4.1.2.2 sumbangan dan keterlibatan calon dalam 6 Keberhasilan Utama (KRA); dan
 - 4.1.2.3 perancangan selepas dilantik ke jawatan yang dipohon.
- 4.2 Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut diminta mengemukakan laporan/ulasan bertulis calon dan dokumen permohonan ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar;
- 4.3 Bahagian Sumber Manusia akan dapatkan penilaian 360° dari:
- 4.3.1 maklum balas dari serakanan calon dalam kalangan ahli akademik Fakulti;
 - 4.3.2 dua (2) laporan pakar dalam bidang calon dari luar UKM.
- 4.4 Calon berjaya dan tidak berjaya ditentukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih yang keahliannya terdiri dari:
- Pengerusi:** Naib Canselor
Ahli:
2 orang ahli LPU
2 orang Ahli Senat (Gred A atau B);
Seorang TNC (Gred A atau B)
Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut dijemput hadir (untuk memberi ulasan terhadap permohonan)
Setiausaha: Timbalan Pendaftar, BSM
- 4.7 Perakuan keputusan Jawatankuasa Pemilih dikemukakan untuk pemakluman Lembaga Pengarah Universiti; dan
- 4.8 Surat pemakluman/tawaran kepada calon berjaya dan tidak berjaya dikeluarkan oleh BSM.

5.0 PENILAIAN

Calon dinilai mengikut 5 kriteria dari (3.1 – 3.5) dan bagi setiap kriteria diberi keputusan mengikut ketetapan berikut:

- Cemerlang
- Baik
- Sederhana

- 5.1 Bagi peningkatan gred dari Profesor Gred Khas C ke Profesor Gred Khas B, calon perlu mencapai skor 4 cemerlang dan 1 baik;

- 5.2 Bagi peningkatan gred dari Profesor Gred Khas B ke Gred Khas A, calon perlu:
- 5.2.1 terus menerus dalam tempoh 2 tahun mencapai 4 cemerlang dan 1 baik dalam Pendidikan, Penyelidikan, Sanjungan, Kecemerlangan Pentadbiran & Kepimpinan dan Khidmat Masyarakat; atau
 - 5.2.2 mencapai 3 cemerlang dan 2 baik serta pencapaian luar biasa dalam mana-mana bidang.
- 5.3. Walau bagaimanapun, dalam keadaan istimewa Jawatankuasa Pemilih boleh memberi pertimbangan khas peningkatan gred dari Profesor Gred Khas C ke Profesor Gred Khas A kepada mana-mana calon yang menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya.
- (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010: Perubahan Perbekalan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM)**

Rujukan:

Minit Mesyuarat Semakan Semula Garis Panduan Peningkatan Gred Profesor Bil 1/2015 pada 17 September 2015

Minit Mesyuarat LPU Bil 2/2015 bertarikh 11 Jun 2015

Minit Mesyuarat MPU Bil 14/2014 bertarikh 25 November 2014

Minit Mesyuarat MPU Bil 8/2012 bertarikh 14 April 2012

Minit Mesyuarat LPU Bil 4/2011 bertarikh 12 Mei 2011 (perkara 2): Prestasi luar biasa calon yang tidak memenuhi syarat tempoh

Pekeliling Perkhidmatan Bil 15 tahun 2010 bertarikh 15 Disember 2010: Perubahan Perbekalan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM

Minit Mesyuarat LPU Bil 5/2010 bertarikh 7 Oktober 2010



**PERINCIAN KRITERIA BAGI PENINGKATAN GRED PROFESOR ATAU LANTIKAN DARI
PROFESOR GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN
PROFESOR GRED KHAS B KE GRED KHAS A (VK5)
(Kelulusan MPU Bil. 8/2012 pada 14 April 2012)**

KRITERIA	PROFESOR GRED KHAS C KE B	PROFESOR GRED KHAS B KE A
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai falsafah yang baik dalam pengajaran & Pembelajaran (P & P). • Inovasi dalam pengajaran. • Kualiti Pengajaran: <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan <i>constructive alignment</i> (mensejajarkan aktiviti P & P dengan hasil Pembelajaran). - Mengintegrasikan <i>electronic</i> (e-)/<i>mobile</i> (m-) pembelajaran. - Sentiasa mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar. - Pernah mendapat anugerah pengajar cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat UKM. • Penunjuk keserjanaan dalam pembelajaran - pengajaran (<i>scholarship in learning-teaching</i>): <ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan penyelidikan dalam P&P. - Membenteng kertas berkaitan P&P dalam persidangan. - Menerbitkan hasil penyelidikan (P&P) dalam jurnal berwasit. • Memberi perhatian kepada pembangunan sahsiah pelajar: <ul style="list-style-type: none"> - Menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti P&P. - Terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan kemahiran insaniah pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai falsafah yang baik dalam pengajaran & Pembelajaran (P & P). • Inovasi dalam pengajaran. • Kualiti Pengajaran: <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan <i>constructive alignment</i> (mensejajarkan aktiviti P & P dengan hasil Pembelajaran). - Mengintegrasikan <i>electronic</i> (e-)/<i>mobile</i> (m-) pembelajaran. - Sentiasa mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar. - Pernah mendapat anugerah pengajar cemerlang sekurang-kurangnya di peringkat UKM. • Penunjuk keserjanaan dalam pembelajaran - pengajaran (<i>scholarship in learning-teaching</i>): <ul style="list-style-type: none"> - Menjalankan penyelidikan dalam P&P. - Membenteng kertas berkaitan P&P dalam persidangan. - Menerbitkan hasil penyelidikan (P&P) dalam jurnal berwasit. • Memberi perhatian kepada pembangunan sahsiah pelajar: <ul style="list-style-type: none"> - Menerapkan kemahiran insaniah dalam aktiviti P&P. - Terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan kemahiran insaniah pelajar.

KRITERIA	PROFESOR GRED KHAS C KE B	PROFESOR GRED KHAS B KE A
	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi sumbangan yang bermakna kepada pengurusan program akademik: <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat secara langsung dengan pembangunan atau semakan program/kurikulum. - Terlibat secara langsung dengan persediaan akreditasi. - Menjadi Ketua Juru Audit akreditasi atau ISO. • Menyelia pelajar dengan baik <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar. • Penyelia utama. • Perubahan dasar dalam P&P. • Jaringan dalam P&P. • Perolehan dana untuk tingkatkan P&P. • Peningkatan dalam <i>learning outcome</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi sumbangan yang bermakna kepada pengurusan program akademik: <ul style="list-style-type: none"> - Terlibat secara langsung dengan pembangunan atau semakan program/kurikulum. - Terlibat secara langsung dengan persediaan akreditasi. - Menjadi Ketua Juru Audit akreditasi atau ISO. • Menyelia pelajar dengan baik <ul style="list-style-type: none"> - Mendapat penilaian yang tinggi dari pelajar. • Penyelia utama. • Perubahan dasar dalam P&P. • Jaringan dalam P&P. • Perolehan dana untuk tingkatkan P&P. • Peningkatan dalam <i>learning outcome</i>.
Penyelidikan & Penerbitan	Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> • Penyelidik utama / Ketua Projek. • Perolehan dana (dalam / luar negara) Bidang sains: jumlah RM 1 juta. Bidang Sains Sosial & Kemanusiaan: Jumlah RM 800,000.00. • Jaringan (dalam dan luar negara) yang berimpak tinggi. • Perubahan polisi / dasar negara, paten yang dikomersialkan untuk pendapatan Universiti dan negara. • Penghasilan impak terus (<i>direct</i>) kepada perubahan masyarakat. Contohnya memperoleh pendapatan lebih tinggi kepada masyarakat tempatan). 	Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> • Penyelidik utama / Ketua Projek. • Perolehan dana (dalam / luar negara) Bidang Sains: Jumlah RM 1 juta. Bidang Sains Sosial & Kemanusiaan: Jumlah RM 800,000.00. • Jaringan (dalam dan luar negara) yang berimpak tinggi. • Perubahan polisi / dasar negara, paten yang dikomersialkan untuk pendapatan Universiti dan negara. • Penghasilan impak terus (<i>direct</i>) kepada perubahan masyarakat. Contohnya memperoleh pendapatan lebih tinggi kepada masyarakat tempatan).

KRITERIA	PROFESOR GRED KHAS C KE B	PROFESOR GRED KHAS B KE A
	<p>Penerbitan</p> <p>a. Bidang Sains</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata. - 15 artikel ISI sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK7 (Gred Khas C). - Dua artikel dalam Q1. - Citation: 200. - Buku atau Bab Dalam Buku (karya asli yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf) dan ia tidak melebihi 30% daripada nilai penerbitan jurnal. <p>a. Bidang Sains Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata. - 15 artikel ISI/SCOPUS sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK7 (Gred Khas C). - Dua artikel dalam Q2. - Citation: 100. - Buku atau Bab Dalam Buku (karya asli yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf) dan ia tidak melebihi 30% daripada nilai penerbitan jurnal. 	<p>Penerbitan</p> <p>b. Bidang Sains</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata. - 15 artikel ISI sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK6 (Gred Khas B). - Dua artikel dalam Q1. - Citation: 200. - Buku atau Bab Dalam Buku (karya asli yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf) dan ia tidak melebihi 30% daripada nilai penerbitan jurnal. <p>b. Bidang Sains Sosial</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi KPI RU dalam artikel jurnal terindeks 2.5 setahun purata. - 15 artikel ISI/SCOPUS sekurang-kurangnya 10 artikel yang menyerlah bidang kepakaran calon sebagai pengarang utama / <i>corresponding author</i> dikira selepas dilantik sebagai Profesor VK6 (Gred Khas B). - Dua artikel dalam Q2. - Citation: 100. - Buku atau Bab Dalam Buku (karya asli yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf) dan ia tidak melebihi 30% daripada nilai penerbitan jurnal.

KRITERIA	PROFESOR GRED KHAS C KE B	PROFESOR GRED KHAS B KE A
Sanjungan	<ul style="list-style-type: none"> • Persidangan <ul style="list-style-type: none"> - Ucaptama atau Plenari: <p style="margin-left: 40px;">4 persidangan peringkat kebangsaan dan 2 antarabangsa yang berprestij peringkat kebangsaan;</p> - Editor jurnal berindeks; - Penilai jurnal berindeks ISI/SCOPUS (10 artikel); - Penilai manuskrip buku; - Menjadi penilai luar/pemeriksa luar/ penilai program kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (3). • Dijemput menganggotai dalam Jawatankuasa antarabangsa. • Anugerah dan pengiktirafan. • Dipohon untuk dipinjam ke organisasi luar sesuai dengan bidang kepakaran. • Bilangan rundingan atau pakar rujuk dalam bidang kepakaran (7). 	<ul style="list-style-type: none"> • Persidangan <ul style="list-style-type: none"> - Ucaptama atau Plenari: <p style="margin-left: 40px;">4 persidangan peringkat kebangsaan dan 2 antarabangsa yang berprestij peringkat kebangsaan;</p> - Editor jurnal berindeks; - Penilai jurnal berindeks ISI/SCOPUS (10 artikel); - Penilai manuskrip buku; - Menjadi penilai luar/pemeriksa luar/ penilai program kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (6). • Dijemput menganggotai dalam Jawatankuasa antarabangsa. • Anugerah dan pengiktirafan. • Dipohon untuk dipinjam ke organisasi luar sesuai dengan bidang kepakaran. • Bilangan rundingan atau pakar rujuk dalam bidang kepakaran (9).
Kepimpinan Akademik & Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjawat jawatan Pentadbiran di Universiti. • Penglibatan dan memberi sumbangan berkesan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti / Pusat / Institut. • Sedia menerima kepimpinan akademik dan pengurusan. • Memegang jawatan Pentadbiran Universiti dan menerajui perubahan impak. • Mencadangkan / mencetus idea dan sumbangan penubuhan Pusat / Institut dan unit baru. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjawat jawatan Pentadbiran di Universiti. • Penglibatan dan memberi sumbangan berkesan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti / Pusat / Institut. • Sedia menerima kepimpinan akademik dan pengurusan. • Memegang jawatan Pentadbiran Universiti dan menerajui perubahan impak. • Mencadangkan / mencetus idea dan sumbangan penubuhan Pusat / Institut dan unit baru.

KRITERIA	PROFESOR GRED KHAS C KE B	PROFESOR GRED KHAS B KE A
Khidmat Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Menerajui kepimpinan persatuan saintifik atau badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang. • Perlu menjadi ahli persatuan saintifik atau profesional di peringkat kebangsaan (sekurang-kurangnya 1) dan antara-bangsa (sekurang-kurangnya 1). • Sebagai ahli Jawatankuasa, Pengerusi / Setiausaha untuk aktiviti / persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara (sekurang-kurangnya 1) dan antarabangsa (sekurang-kurangnya 1). • Memberi sumbangan berimpak dalam khidmat masyarakat. • Penghasilan impak terus kepada perubahan kualiti hidup masyarakat melalui penyelidikan dan pendidikan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menerajui kepimpinan persatuan saintifik atau badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang. • Perlu menjadi ahli persatuan saintifik atau profesional di peringkat kebangsaan (sekurang-kurangnya 2) dan antara-bangsa (sekurang-kurangnya 2). • Sebagai ahli Jawatankuasa, Pengerusi / Setiausaha untuk aktiviti / persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, negara (sekurang-kurangnya 2) dan antarabangsa (sekurang-kurangnya 2). • Memberi sumbangan berimpak dalam khidmat masyarakat. • Penghasilan impak terus kepada perubahan kualiti hidup masyarakat melalui penyelidikan dan pendidikan.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENINGKATAN GRED PROFESOR DARI GRED KHAS C (VK7) KE GRED KHAS B (VK6) DAN DARI GRED KHAS B (VK6) KE GRED KHAS A (VK5)

(Sila tandakan '√' pada ruangan/kotak yang disediakan)

NAMA PEMOHON :

UKM(PER) :

JABATAN/PUSAT :

FAKULTI/PUSAT/INSTITUT :

A. SYARAT KELAYAKAN

BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	TINDAKAN BSM
1.	Syarahannya Perdana	Tarikh: Tajuk:		
2.	Profesor berjawatan Tetap	PTJ Hakiki:		
3.		Tempoh Tahun Berkhidmat		
	i. Prof. Gred Khas C ke B	> 3 tahun		
	ii. Prof. Gred Khas B ke A	> 2 tahun		
	iii. Calon yang tidak memenuhi perkara 3(i) atau 3(ii) tetapi mempunyai prestasi luar biasa			

B. KRITERIA

BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	TINDAKAN BSM
1.	PENDIDIKAN			
	i. Kualiti pengajaran			
	ii. Pengukuhan dalam penyeliaan (Sarjana & PhD) dan pengajaran			
2.	PENYELIDIKAN			
	i. Dana dalam dan luar negara			
	ii. Jaringan (dalam dan luar negara) untuk dapatkan dana penyelidikan yang berimpak tinggi			
3.	SANJUNGAN			
	i. <i>Keynote address</i> (ucap utama), <i>invited papers/full paper</i> (kertas undangan/kertas penuh) dan <i>Discussant</i> (Pembicara)			
	ii. Menganggotai Jawatankuasa antarabangsa dalam bidang masing-masing			
	iii. Dijemput sebagai Pemeriksa Luar/Penilai Program			
	iv. Anugerah dan pengiktirafan			
	v. Dijemput/dipinjamkan ke organisasi luar sesuai dengan bidang kepakaran			
4.	KECEMERLANGAN KEPIMPINAN AKADEMIK & PENGURUSAN			
	i. Jawatan pentadbiran di Universiti			
	ii. Penglibatan dalam Jawatankuasa peringkat Fakulti/Pusat/Institut			
	iii. Kepimpinan akademik dan pengurusan			
	iv. lain-lain (jika ada)			
5.	KHIDMAT MASYARAKAT			
	i. Ahli persatuan saintifik atau profesional dalam bidang masing-masing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa			
	ii. AJK/Pengerusi/Setiausaha untuk aktiviti/persatuan yang memberi impak tinggi kepada Universiti, masyarakat, Negara dan antarabangsa			
	iii. menerajui kepimpinan persatuan bidang, badan profesional, atau pertubuhan sivil dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan bidang			

C. PROSEDUR

BIL.	PERKARA	ADA	TIADA	TINDAKAN BSM
1.	Latar diri (CV) yang mengandungi perkara B1 – B5 berserta pembuktian			
2.	Esei 600 patah perkataan mengenai: <ul style="list-style-type: none"> i. kecemerlangan calon dalam bidang kepakaran dengan ukuran pencapaian berdasarkan 3R (<i>Relevant, Respected, Referred</i>); ii. sumbangan dan keterlibatan calon dalam 6 Keberhasilan Utama (KRA); iii. perancangan selepas dilantik ke jawatan yang dipohon. 			
3.	Senarai Semak Ringkasan Syarat dan Kriteria (UKM-SPKP-JP-PK05-SS01)			

UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA JABATAN PENDAFTAR	
Terima permohonan	:
Disemak oleh	:
a. Laporan/ulasan bertulis oleh Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat/Institut mengenai calon	<input style="border: 1px dashed black; width: 60px; height: 25px;" type="text"/>
b. Dapatkan Penilaian 360°:	<input style="border: 1px dashed black; width: 60px; height: 25px;" type="text"/>
i. serakanan calon dalam kalangan ahli akademik Fakulti Tarikh emel/surat:	<input style="border: 1px dashed black; width: 60px; height: 25px;" type="text"/>
ii. dua (2) laporan pakar dalam bidang calon dari luar UKM Tarikh emel/surat:	<input style="border: 1px dashed black; width: 60px; height: 25px;" type="text"/>